



SIARAN AKHBAR

**MATA WANG POLIMER KENANG-KENANGAN “2-IN-1 UNCUT SHEETS BND1”
SEMPENA MEMPERINGATI HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU’IZZADDIN WADDAULAH,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
YANG KE-73 TAHUN**

1. Sempena memperingati Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-73 Tahun, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) akan mengeluarkan mata wang polimer kenang-kenangan BND 1 yang berupa “2-in-1 Uncut Sheets”. Mata wang polimer kenang-kenangan ini akan sah diperlakukan di Negara Brunei Darussalam. Keterangan lanjut mengenai mata wang polimer kenang-kenangan ini adalah seperti berikut:

Jenis	Denominasi	Siri	Jumlah kuantiti dicetak	Harga
2-in-1 Uncut Sheets	BND 1	Tahun 2011	600 keping	BND 35.00

2. Mata wang polimer kenang-kenangan ini akan mula dijual kepada orang ramai mulai hari Khamis, 21 Zulhijjah 1440H bersamaan dengan 22 Ogos 2019M hingga hari Jumaat, 22 Zulhijjah 1440H bersamaan dengan 23 Ogos 2019M. Tempat dan waktu penjualan adalah seperti berikut:

Tempat:

Dewan Teater
Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

Waktu Penjualan:

Tarikh	Pagi	Petang
Khamis, 22 Ogos 2019	9.00 pagi – 12.00 tengahari	2.00 petang – 4.00 petang
Jumaat, 23 Ogos 2019	8.30 pagi – 11.00 pagi	2.45 petang – 3.45 petang

3. Mata wang polimer kenang-kenangan ini adalah terhad dan setiap pelanggan hanya dibenarkan untuk membeli satu (1) keping sahaja. Pihak AMBD memohon kerjasama daripada pelanggan-pelanggan yang berminat untuk membeli mata wang polimer kenang-kenangan ini untuk membawa kad pintar (i.c) dan pembayaran hanya adalah secara wang tunai sahaja.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Ruj: AMBD/COMMS/3

Tarikh: Zulhijjah 1440 / Ogos 2019